

TERHAD



**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ.  
AHMAD TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**MAJLIS AMANAT  
DAN ASPIRASI JPM 2020 BERSAMA  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN JPM**

**22 JANUARI 2020 (RABU)  
AUDITORIUM  
ARAS 1, BLOK B1  
JABATAN PERDANA MENTERI**

TERHAD

Terima kasih saudara saudari pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim

**Yang Berusaha Encik Mohammad bin Ismail**

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Kewangan dan Perolehan)

**Yang Berusaha Puan Nik Zapida binti Nik Mat**

Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat; dan

**Yang Berusaha Encik Khairil Adha bin Ahmad**

Setiausaha Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan

selaku hos bersama bagi majlis kita pada pagi ini.

Wakil-wakil Jabatan dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan warga JPM yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan Salam Sejahtera

## 1. Azam Diri Untuk Negara

- Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul pada hari ini pada dekad yang baru iaitu tahun 2020. Masih belum terlewat lagi untuk saya mengucapkan **Selamat Tahun Baru 2020 buat semua warga Jabatan Perdana Menteri** yang saya kasihi sekalian.
- Di kesempatan ini saya ingin menyeru semua warga JPM sekalian supaya marilah kita **mulakan tahun baru 2020 ini dengan semangat, azam serta iltizam yang tinggi.** Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang bakal memberikan peluang untuk kita lebih berjaya dan lebih cemerlang. *A good beginning makes a good end.* **Semoga kedatangan tahun baru pada dekad baru ini memberikan semangat baru buat kita semua.**
- Pada awal tahun ini, sudah pasti kita semua mempunyai azam-azam yang tertentu. Bagi menyahut cabaran dan nasihat YAB Perdana Menteri dalam Perhimpunan Bulanan yang lepas, seharusnya kita juga menetapkan azam diri untuk negara lebih-lebih lagi sebagai seorang penjawat awam.

- Apa yang penting dan lebih utama adalah **pencapaian dan kejayaan terhadap hasil kerja yang bukan sahaja memenuhi tuntutan peribadi malah memberikan kesan berganda yang menguntungkan Jabatan/agensi dan JPM khususnya serta menyumbang kepada pembangunan negara secara keseluruhannya.**

## **2. Pencapaian Cemerlang 2019**

Yang Berbahagia Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan warga JPM yang saya kasihi sekalian.

- Di kesempatan ini, saya juga ingin **merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah di atas kejayaan-kejayaan yang telah dirangkul dan kita kecapai sepanjang tahun 2019.** Ini semua adalah **bukti komitmen dan kualiti kerja warga JPM** dalam melaksanakan dasar-dasar utama yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti Rancangan Malaysia Ke-Sebelas dan juga Pelan-Pelan Strategik Jabatan/Agensi. Saya amat berpuas hati dan berbangga dengan pencapaian ini dan saya **berharap momentum kecemerlangan ini dapat dikekalkan** secara umumnya untuk tahun 2020 ini dan tahun-tahun yang akan datang dan secara khususnya bagi menjayakan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

- Suka di sini saya memetik **beberapa peristiwa penting dan pencapaian Jabatan Perdana Menteri sepanjang tahun 2019**, antaranya:
  - i. Istiadat Pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI;
  - ii. Istiadat Pembukaan Parlimen Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas Tahun 2019;
  - iii. Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2018
  - iv. Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2018 – Pencapaian 5 Bintang;
  - v. Anugerah Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) – Kategori Cemerlang;
  - vi. Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2019 – Pencapaian 5 Bintang;
  - vii. Serta beberapa lagi pencapaian cemerlang yang tidak saya sebutkan di sini.

- *Despite the occasional hiccups and shortfalls, we have pulled through to another year and I strongly believe we will hustle through this year with even more determination, perseverance and resilience. Saya percaya tanpa kerjasama dan komitmen yang padu daripada setiap warga JPM, kejayaan-kejayaan seperti ini tidak mungkin dapat dicapai.*
- Mengambil kira prestasi cemerlang dan pencapaian yang memberangsangkan ini, saya percaya JPM mampu menerajui pembaharuan dalam sektor perkhidmatan awam yang lebih baik untuk tahun-tahun yang akan datang.

### **3. 2020: *Shaping The Future***

Yang Berbahagia Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan warga JPM sekalian.

- Dengan bermulanya tahun 2020 ini, kita telah melangkah ke satu dekad baharu yang lebih mencabar. Pelbagai perancangan telah ditetapkan dan dipersiapkan sempena dekad ini.

- Dalam memastikan JPM bertindak sebagai peneraju pembaharuan perkhidmatan awam, suka saya menarik perhatian semua terhadap beberapa pembaharuan dan transformasi yang akan dilaksanakan di peringkat JPM pada tahun 2020 ini:

i. **Pengenalan *Note of Management Performance***

- Dalam mendepani cabaran-cabaran yang semakin rumit dan kompleks di dalam perkhidmatan awam, **sifat berdaya tahan dan *easy to adapt*** seharusnya menjadi budaya semua warga JPM. Cabaran terbesar yang dihadapi oleh pjawat awam sudah tentulah untuk **memenuhi ekpektasi rakyat selaku pemegang taruh (*stakeholder*) kepada pihak Kerajaan.**
- Secara peribadi, saya **amat mengharapkan sokongan dan komitmen daripada seluruh warga Jabatan Perdana Menteri** bagi merealisasikan dasar-dasar Kerajaan melalui pembaharuan yang berterusan dan menuju tahap '*zero defect*' sepertimana yang dihasratkan oleh YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Negara.

- Di samping itu, **budaya kesegeeraan dan keberhasilan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik** hendaklah sentiasa diamalkan. Saya yakin, melalui penerapan budaya tersebut tidak mustahil kita boleh bergerak dengan **lebih pantas serta bebas daripada kesilapan dan persepsi negatif.**
- Akauntabiliti dan integriti juga perlu dihayati oleh setiap warga JPM dengan **memahami tugas serta tanggungjawab masing-masing secara mendalam.** Ini untuk mengelakkan kekeliruan yang mengakibatkan sesuatu tugas / isu tidak ditangani dengan baik dan pantas kerana **kurang koordinasi atau penyelarasan dalam melaksanakan arahan yang diterima** dan akhirnya boleh menjejaskan mutu kerja dan perkhidmatan.
- Untuk itu, saya berhasrat untuk memperkenalkan *Note of Management Performance* sebagai *score card* bagi ketua-ketua jabatan/agensi di bawah JPM bermula tahun 2020 ini. *Score card* ini akan **menjadi pelaporan kepada pencapaian prestasi jabatan/agensi selain mengukur keupayaan organisasi satu-satu jabatan/agensi tersebut.**



- Selain itu, sistem pengukuran prestasi seperti *Key Performance Indicator* (KPI) juga akan terus digunakan untuk memantau dan menilai prestasi ketua jabatan/agensi di bawah JPM. Di samping itu, ia juga **boleh digunakan sebagai sumber maklumat untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan juga stakeholders serta dijadikan sebagai asas perancangan dalam menetapkan hala tuju organisasi.** Sistem pengukuran prestasi seharusnya **menjadi tanggungjawab kolektif yang boleh memberikan rasa sense of ownership terhadap apa yang dilaksanakan oleh setiap warga organisasi** dalam menyumbang kepada kecemerlangan JPM secara keseluruhannya.
- Dalam merencana perancangan yang akan datang, beberapa perkara perlu diberi penekanan terutamanya **menilai semula pencapaian prestasi yang lepas.** Jadikan pencapaian tersebut sebagai **asas untuk bergerak dengan lebih baik** di masa akan datang. Segala **kekurangan dan kelemahan hendaklah segera diperbaiki dan dipastikan kesilapan tersebut tidak lagi diulangi.** Banyak faktor yang perlu diambil kira dan saya amat terbuka untuk mengadakan perbincangan dan rundingan bagi membantu organisasi tuan-tuan dan puan-puan bagi menangani apa jua bentuk permasalahan.

- Di kesempatan ini juga, saya menyeru semua warga JPM **supaya berani mengubah pemikiran lama daripada proses kerja lapuk kepada bersikap lebih inovatif** dengan menggunakan teknologi terkini bagi memastikan JPM sentiasa kekal relevan dan bersedia dalam menghadapi cabaran mendatang. Dengan mengambil semangat itu, Kompleks Jabatan Perdana Menteri telah **dijenamakan semula sebagai Setia Perdana** berkuatkuasa 1 Februari 2020.

ii. **Shared Responsibility and Delivery**

- Dalam menyerlahkan fungsi Jabatan Perdana Menteri sebagai sebuah Kementerian yang menerajui 58 Jabatan/ agensi di bawahnya, seharusnya **beban tanggungjawab ini dikongsi bersama.** Bermula dengan merangka polisi, strategi dan pelan tindakan sehinggalah proses merealisasikan polisi tersebut, seharusnya **usaha secara bersama dan kolektif serta berterusan harus dimainkan oleh setiap warga JPM.**

- Budaya bekerja secara bersendirian atau secara *silo* hendaklah terus ditinggalkan kerana terbukti ianya tidak menguntungkan mana-mana pihak malah menimbulkan masalah yang lebih besar dan kompleks. **Sikap keterbukaan dan amalan perundingan atau musyawarah harus dilaksanakan di setiap peringkat pengurusan agar *shared objectives* dapat tercapai dan memberikan manfaat bersama dalam situasi menang-menang atau *win-win situation*.**

iii. **Adaptasi Trend Digitalisasi**

Yang Berbahagia Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan warga JPM sekalian.

- Strategi komunikasi yang efektif dan berkesan **penting untuk menguar-uar dan menjelaskan rasional keputusan dan dasar Kerajaan kepada pelanggan dan *stakeholders*** sama ada melalui medium komunikasi maya atau pertemuan seperti *Town Hall*. Suka saya ingatkan bahawa **komunikasi yang berkesan dan penyelarasan bersepadu antara Jabatan dan Bahagian adalah elemen yang kritikal dan penting bagi melicinkan pengurusan JPM selain meningkatkan *visibility* dan akses rakyat kepada perkhidmatan Jabatan.**

- Pembinaan jaringan dan saling berkongsi maklumat ini juga penting dalam kalangan agensi di bawah JPM kerana ianya akan dapat **membantu menyebarkan maklumat-maklumat mengenai dasar-dasar dan kejayaan-kejayaan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan** untuk manfaat rakyat. Semua agensi adalah digalakkan untuk berkongsi setiap maklumat, gambar, infografik, video dan sebagainya daripada media sosial JPM yang dikendalikan oleh UKK, JPM dan begitu juga sebaliknya.
- **Pembinaan jaringan yang mantap dan saling berkongsi maklumat** antara setiap agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) amat penting bagi memastikan **kecekapan penyebaran dan penjelasan maklumat** dapat disebarluaskan. Dalam hal ini, Unit Komunikasi Korporat selaku media Jabatan Perdana Menteri perlu memainkan peranan sepenuhnya bagi memastikan semua maklumat dapat dimaklumkan dengan pantas khususnya di kalangan warga JPM dan masyarakat secara umumnya.

- Sukacita saya memohon agar semua jabatan dan agensi memberikan kerjasama sepenuhnya kepada UKK bagi **memastikan segala program-program dapat disebarkan ke pengetahuan umum khususnya kepada rakyat.** Komunikasi berkesan melalui pelbagai saluran media sosial seperti *facebook, instagram* dan *twitter* juga merupakan antara cabaran yang dihadapi dalam mendepani ekspektasi rakyat terutamanya golongan millenia.
- Dengan pelancaran Teknologi Generasi Kelima (5G) baru-baru ini, ia menampilkan **pelan jangka masa panjang dalam merencanakan lagi sistem perhubungan dan teknologi di negara** ini. 5G bukan sahaja membawa penambahbaikan daripada segi kelajuan, tetapi turut membangunkan sektor dan penggunaan baru yang tidak terjangka pada saat ini. Justeru, saya menyeru warga JPM supaya **bersedia untuk memanfaatkan teknologi ini sepenuhnya untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.**

iv. **Pemeriksaan Kecemerlangan JPM**

- Mendepani cabaran yang mendatang, suka saya mengambil peluang ini untuk mengingatkan semua warga Jabatan Perdana Menteri bahawa setiap dari kita ini adalah merupakan blok-blok kecil yang **menjadi asas sehingga berdiri kukuhnya Jabatan Perdana Menteri** tanpa mengira gred, umur, dan skim perkhidmatan. *Together we can make all dreams work and all things possible.*
- Membuka lembaran tahun 2020 ini, sewaktu sesi Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri tempoh hari, beliau telah menegaskan bahawa **pentingnya hubungan kerjasama di antara Menteri dan Pegawai Kerajaan dalam menentukan kejayaan pelaksanaan dasar dan pembangunan negara.** Kerjasama yang tidak berbelah bagi ini hendaklah diberikan sepenuhnya bagi memastikan semua perancangan terlaksana dengan jayanya.

- Saya juga ingin mengingatkan agar **budaya kerja cemerlang, komited, rajin dan berdisiplin harus sentiasa dijadikan amalan** di kalangan seluruh warga JPM. **Tumpuan juga harus diberikan kepada aspek keberhasilan atau pencapaian *outcome*** dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat. **Proses kerja sedia ada perlulah diperkemaskan serta mengurangkan karenah birokrasi dan seterusnya mampu meningkatkan *service delivery***. Usaha penambahbaikan ini bukan sahaja penting untuk membantu proses kerja harian, tetapi ia juga mampu memantapkan imej dan reputasi sesebuah organisasi. *We have to set a new pace and in doing so we must never deviate from our primary objective.*
- Di kesempatan ini, saya mengharapkan sokongan dan komitmen daripada seluruh warga JPM supaya kita dapat **visualize and transform budaya kerja sedia ada kepada sepuluh tahun ke hadapan** untuk mendakap arus perubahan dan sentiasa bergerak bagi memimpin agenda pembangunan negara. Pembaharuan secara berterusan perlu dilaksanakan supaya kita tidak ketinggalan dan terus berada di takuk lama.

- Selain itu, fokus kita semestinya penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan. Setiap penjawat awam perlu sentiasa memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan aspirasi ini dapat dijayakan.
- **Halangan-halangan utama yang dihadapi dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat perlulah diatasi dan ditangani dengan bijak.** Antara halangan-halangan yang biasa dihadapi adalah memerangi amalan rasuah, mengurangkan kerenah birokrasi dan mendepani ekspektasi rakyat terutamanya oleh Jabatan/ agensi *frontliner* yang berhubung terus dengan rakyat. **Semua ini memerlukan kebijaksanaan dan kemahiran kita sebagai penjawat awam dalam mendepani isu-isu tersebut agar ianya tidak menjejaskan mutu dan kualiti perkhidmatan yang diberikan.**
- Dikesempatan ini juga, saya ingin mengingatkan warga JPM terutamanya diri saya sendiri supaya **sentiasa mendukung dan memantapkan nilai-nilai integriti** pada setiap diri kita. Sebarang **perkara yang boleh melanggar etika dan integriti sebagai seorang penjawat awam hendaklah dihindari** seperti perbuatan rasuah, membocorkan rahsia rasmi Kerajaan, menggunakan kedudukan dan jawatan untuk kepentingan sendiri dan pelbagai lagi bentuk kesalahan.



- Kerajaan sama sekali **tidak akan berkompromi dan melindungi mana-mana pihak** sekiranya terdapat dakwaan berasas yang terbukti benar berlakunya salah laku dalam perkara-perkara seperti ini. Adalah tidak boleh dimaafkan sekiranya kesalahan terus dilakukan kerana ianya **boleh mencemarkan reputasi dan imej perkhidmatan awam** lebih-lebih lagi masih terdapat ramai lagi penjawat awam yang sentiasa bersikap jujur dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab.
- Seajar dengan slogan Malaysia Bersih, **pelbagai inisiatif penambahbaikan pentadbiran awam telah dilaksanakan** supaya pentadbiran awam bebas daripada segi salah laku integriti dan rasuah. Maka kita perlu terus meningkatkan integriti, proses *internal control*, menambahbaik tadbir urus dan sebagainya.
- Di samping itu, sebagaimana kita semua sedia maklum proses rasionalisasi jabatan dan agensi JPM akan diteruskan sebanyak 2% bermula Februari tahun ini. Tujuan rasionalisasi ini adalah bagi **pengoptimuman sumber manusia, penyusunan semula perjawatan (redeployment)** bagi mengelakkan pertindihan fungsi,

serah urus fungsi (outsourcing), penyampaian perkhidmatan alternatif (Alternative Service Delivery), gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan semasa sejajar dengan inisiatif Rasionalisasi Saiz Perkhidmatan Awam.

- Suka saya tegaskan di sini bahawa sasaran ini perlu dicapai oleh setiap jabatan/agensi di JPM tanpa sebarang pengecualian. Ia juga tidak boleh dijadikan sebagai alasan terjejasnya produktiviti jabatan/agensi. Justeru, ketua jabatan/agensi perlu kreatif dan inovatif serta mengoptimumkan sumber sedia ada agar perkhidmatan organisasi dapat dikekalkan seperti sedia ada atau lebih baik lagi.

v. JPM Sebagai Peneraju Perpaduan Negara

- Sepertimana kita semua sedia maklum, sumber kekuatan negara kita adalah perpaduan yang telah terjalin sekian lama. Semangat perpaduan ini merupakan warisan turun temurun generasi ke generasi yang merupakan harta negara yang tak ternilai harganya.

- Adalah menjadi tanggungjawab kita selaku rakyat Malaysia untuk **memastikan perpaduan ini kekal terpelihara dan dipertahankan.** Segala cubaan sama ada dalam bentuk provokasi mahupun hasutan oleh pihak yang tidak bertanggung jawab **hendaklah ditangani dengan baik supaya ianya dapat dihalang atau dihentikan.**
- Dalam masa yang sama, semangat perpaduan perlu terus disemai dan disemarakkan terutamanya di kalangan warga Jabatan Perdana Menteri. Selaku **pihak yang diberi peranan dan tanggung jawab untuk menerajui perpaduan ini, warga JPM seharusnya menjadi contoh teladan dan ikutan bagi memperlihatkan kesungguhan dan komitmen** Kerajaan untuk memastikan perpaduan dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia kekal terpelihara.
- Jadikanlah **perpaduan nasional sebagai teras kemakmuran dan kesejahteraan negara** Malaysia yang tercinta ini. Sesuatu yang sudah baik itu, janganlah kita hapuskan, sesuatu yang sudah elok itu, janganlah kita binasakan. Kita perlu **menguatkan perpaduan dan menghindar daripada bermusuhan sesama sendiri,** kerana akhirnya ia akan mendatangkan musibah kepada kita juga.

#### 4. Penutup

Yang Berbahagia Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan puan warga JPM sekalian.

- Dalam kesibukan kita seharian juga, **aspek penjagaan kesihatan perlulah diberi perhatian** yang tinggi kerana sesungguhnya “mencegah itu lebih baik daripada mengubati”. Sehubungan itu, marilah sama-sama kita menjaga kesihatan diri; fizikal dan juga mental kerana harga sebuah kesihatan itu tidak mungkin dapat ditukar dengan wang ringgit.
- Kita mempunyai Pegawai Psikologi yang bertauliah, ahli-ahli AKRAB dan **penubuhan KOSPEN Plus JPM juga telah dilancarkan pada 11 Disember 2019 yang berperanan untuk membantu warga JPM** dalam hal berkaitan penjagaan kesihatan.
- Untuk tahun 2020 ini, saya telah mencadangkan kepada pihak pengurusan JPM dan juga Kelab Bukit Perdana untuk memperbanyak dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti riadah mahupun sukan yang dapat meningkatkan gaya hidup yang lebih sihat selain **meningkatkan *esprit de corps* atau semangat setiakawan bagi menghidupkan persekitaran kerja yang gembira dan kondusif**. Aktiviti

– aktiviti *abseiling*, berkuda, *off road*, *jungle trekking* dan selam *Scuba* antara aktiviti-aktiviti yang kita boleh terokai bagi tahun ini. Sepertimana yang dimaklumkan kepada saya, selepas ini akan dilaksanakan **gimik pelancaran *JPM Scuba Squad*** yang akan dilatih oleh jurulatih profesional dari Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

- Pada dekad yang baru ini, marilah kita **tinggalkan segala perkara-perkara yang tidak memberikan manfaat dan berusaha memperbaharui diri kita ke satu tahap yang lebih baik.**
- Sukacita saya ingin berkongsi kata-kata Hukamak yang menyeru kepada pembaharuan diri :

**"Sesungguhnya orang yang paling berjaya ialah orang yang hari ini lebih baik daripada semalam dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini lebih teruk daripada semalam, manakala orang yang terpedaya adalah orang yang hari ini sama dengan hari semalam."**

- Di sini menunjukkan suatu garisan yang jelas perbandingan di antara orang-orang yang berjaya dengan orang-orang yang gagal dan yang terpedaya. **Sikap melaksanakan kerja mengikut amalan biasa atau *play safe* serta tidak**

berusaha memperbaiki kelemahan diri sering kali menjadikan individu kekal berada di dalam kepompong zon selesa atau *comfort zone*. Saya melihat situasi ini sebagai ketakutan untuk berubah bagi seseorang individu. *Fear is our greatest enemy*. Namun demikian, ketakutan itu perlu diurus sebaik mungkin. Seterusnya sasaran organisasi untuk melahirkan generasi penjawat awam yang lebih cekap dan efisien akan boleh dicapai.

- Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas segala usaha tuan-tuan dan puan-puan yang telah diberikan kepada Jabatan dan semoga JPM akan terus cemerlang dalam mendepani hari-hari mendatang di tahun 2020.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Sekian Terima kasih

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik & Bahagian  
Teknologi Maklumat**

**Januari 2020**